



Tun Mohd Fuad Stephens **membacakan Pengisytiharan Malaysia** pada 16 September 1963.

BH 16/9/13 MS 415.

16 September tarikh keramat, selalu diingati



» Penubuhan Malaysia berdepan pelbagai halangan

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

Tanggal 16 September adalah tarikh keramat yang disambut untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia membabitkan Malaya, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura.

Pembentukan persekutuan baru itu dirancang berlaku pada 1 Jun 1963, namun ditangguhkan ke 31 Ogos bagi membolehkan disambut bersama Hari Kemerdekaan keenam. Namun, tarikh perisytiharan tertangguh disebabkan beberapa isu termasuk bantahan Indonesia dan Filipina.

Penangguhan juga dibuat bagi membolehkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memperuntukkan masa membuat pungutan suara di Borneo Utara dan Sarawak.

Selepas semua isu diselesaikan, perisytiharan Malaysia dibuat pada 16 September 1963 melalui penyatuan Persekutuan Malaya, Singapura, Borneo Utara (kemudian dinamakan Sabah) dan Sarawak.

Sabah terlebih dulu menyambut kemerdekaannya pada 31



Anggota Suruhanjaya Cobbold yang ditubuhkan untuk memungut suara penduduk Sabah dan Sarawak.

Ogos 1963 manakala Sarawak pada 22 Julai 1963.

Idea Tunku Abdul Rahman

Idea pembentukan Malaysia dicadangkan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 27 Mei 1961 dalam satu majlis jamuan makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura.

Susulan itu, Abdul Rahman memulakan lawatan ke Sabah dan Sarawak pada Jun 1961 dan Brunei pada Julai 1961 untuk menerangkan konsep dan tujuan penubuhan Malaysia.

Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum yang ditubuhkan mengadakan empat mesyuarat di Singapura dipengerusikan Donald Stephens (Tun Mohd Fuad Stephens) dari Sabah sebelum ahli jawatankuasa sepakat mengemukakan memorandum kepada


Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan kerajaan British pada 17 Januari 1962.

Suruhanjaya berkenaan ditubuhkan bagi memungut suara rakyat Sabah dan Sarawak berhubung penubuhan Malaysia. Ia dianggotai lima ahli dipengerusikan bekas Gabenor Bank of England, Lord Cobbold; dua wakil Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Datuk Wong Pow Nee dan

FAKTA NOMBOR

4 mesyuarat

diadakan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum di Singapura pada 17 Januari 1962



Ghazali Shafie (bekas Menteri Dalam Negeri, Allahyarham Tun Ghazali Shafie).

Majoriti setuju sertai Malaysia

Wakil Kerajaan British ialah Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston, manakala H Harris sebagai Setiausaha. Pungutan suara itu menunjukkan lebih dua pertiga penduduk Sabah dan Sarawak memilih menyertai Malaysia.

Pembentukan Malaysia menjadi kenyataan dan perjanjian ditandatangani pada 9 Julai 1963 dengan kerajaan British diwakili Perdana Menteri, Harold Macmillan, Ducan Sandys dan Lord Landsdowne, wakil Persekutuan Tanah Melayu ialah Tunku Abdul Rahman, Tan Siew Sin, Datuk VT Sambanthan, Datuk Ong Yoke Lin dan Dr Lim Swee Aun.

Wakil Sabah ialah Mohd Fuad, Tun Datu Mustapha Datu Harun,

WKH Jones, Khoo Siak Chiew, Stephen Holley dan Datuk GS Sundang manakala Sarawak diwakili PEH Pike, Tun Temenggong Jugah Anak Barieng, Datuk Abang Haji Mustapha, Ling Beng Siew dan Datuk Abang Haji Openg.

Pada 26 Ogos 1963, Yang di-Pertuan Agong memperkenalkan Akta Malaysia yang sudah diperkenankan Ratu Elizabeth II serta diluluskan Parlimen British.

Akhirnya pengisytiharan Malaysia dibuat pada 16 September 1963 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu, Gabenor-Gabenor Pulau Pinang, Melaka dan Sabah.

Pada 9 Ogos 1965, atas faktor tertentu Singapura mengambil keputusan keluar daripada Malaysia dan menubuhkan negara republik.

Saling hormat menghormati resipi utama

» Sikap terpuji satukan semua bangsa, agama bentuk Malaysia

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

Satu daripada resipi utama kemajuan dikecapi Malaysia sejak 50 tahun lalu ialah sikap hormat menghormati antara satu sama lain, walaupun negara ini mempunyai masyarakat majmuk dan pelbagai pegangan agama serta kepercayaan.

Tidak keterlaluan dikatakan sikap itulah membawa kepada pembentukan Malaysia secara rasmi pada 16 September 1963, kata pemimpin tempatan daerah Keningau, Datuk RM Jasni yang juga penulis buku sejarah terkenal di negeri ini.

Harungi cabaran bersama

"Ketika idea menubuhkan Malaysia timbul, ramai pemimpin di pedalaman termasuk Keningau membantah dan mendesak hak kebebasan agama dipelihara, kuasa berkaitan tanah dikuasai kerajaan Sabah dan adat dipe-

lihara sekiranya mahu mereka menyokong penubuhan Malaysia.

"Atas sebab menghormati pendirian itu, pemimpin Kerajaan Persekutuan setuju dengan permintaan mereka dan selepas mengharungi pelbagai cabaran getir, akhirnya tertubuhlah Malaysia dan bagi mengingati janji itu, satu 'Batu Sumpah Peringatan' diwujudkan di Keningau.

"Selain mengingati pembentukan Malaysia, boleh dikatakan 'Batu Sumpah Peringatan' itu adalah bukti sikap hormat pemimpin kerajaan terhadap permintaan penduduk tempatan sebelum mereka menerima gagasan Malaysia," katanya ketika ditemui BH di Keningau, baru-baru ini.

Sebelum penubuhan Malaysia, RM Jasni bertugas sebagai pembaca berita di radio dan tugasnya ketika itu ialah menyampaikan kepada pendengar berhubung pungutan suara oleh Suruhanjaya Cobbold mengenai penubuhan Malaysia.



RM Jasni ketika ditemui BH di pejabatnya di Keningau **bercerita mengenai penubuhan Malaysia** pada 16 September 1963.

“Atas sebab menghormati pendirian itu, pemimpin Kerajaan Persekutuan setuju permintaan mereka dan selepas mengharungi pelbagai cabaran, akhirnya tertubuhlah Malaysia”

RM Jasni,
Penulis buku sejarah

"Tetapi pihak Inggeris tidak bemarkan kita siarkan pendapat orang masa itu, saya hanya diarahkan beritahu satu pungutan suara sedang dibuat, itu saja. Tiada cerita politik macam media sekarang.

Atasi konfrontasi

"Persekutuan Malaysia akhirnya ditubuhkan... pada mulanya memang ada rasa takut untuk orang di Sabah dan Sarawak menyambutnya kerana konfrontasi pihak luar yang membantah penubuhan Malaysia, tetapi semuanya berjalan lancar," katanya.

Bagi RM Jasni, penubuhan Ma-

laysia adalah satu rahmat kepada rakyat negeri ini dan mengubah landskap pembangunan yang sebelum ini tidak dapat dinikmati.

"Sebagai contoh dari segi jalan raya, dulu kami guna jalan dilalui kerbau sebagai panduan untuk ke sesebuah destinasi dan laluannya kadang kala berubah hingga menyukarkan perjalanan kerana kerbau mengubah jalannya.

"Sekarang sudah ada jalan raya selesa yang kita boleh lalui bila-bila masa, memang banyak lagi perlu dilakukan tetapi saya yakin ia boleh dilaksanakan dengan lebih hebat pada masa depan," katanya.



Bandar Jesselton lama.



Dua penduduk di Keningau melihat Batu Sumpah Peringatan di pekarangan bangunan Majlis Daerah Keningau yang cukup simbolik dalam **penubuhan Malaysia dan sikap menghormati** diterapkan pemimpin Kerajaan Persekutuan terhadap permintaan penduduk tempatan.